

01 MAR 2004

Abdullah-Tanggungjawab

TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PM BEGITU BESAR, KATA ABDULLAH

ALOR STAR, 1 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata bahawa mewarisi satu kepimpinan yang berjaya telah menjadikan tanggungjawabnya sebagai Perdana Menteri begitu besar dalam memastikan segala keputusan yang dibuat adalah betul.

"Saya diberi tanggungjawab yang begitu besar, bukan senang nak pikul. Berat mata memandang berat lagi bahu yang memikul," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan pegawai-pegawai kerajaan persekutuan dan negeri di sini.

Abdullah, yang mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 31 Okt tahun lepas dari Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengundur diri, berkata apabila berada pada kedudukan sekarang, baru beliau merasakan bahawa betapa sukarnya membuat keputusan kerana jika tersalah membuat pertimbangan, rakyat yang akan menderita.

"Sebelum jadi Perdana Menteri tak rasa sangat, walaupun bekerja dekat dengan Dr Mahathir, tak terasa sangat. Sekarang sepayah-payah perkara, saya sendiri terpaksa membuat keputusannya, tak ada orang lagi, saya seorang sahaja.

"Memang kesunyian dan keseorangan bila berada di puncak," katanya.

Abdullah berkata beliau sedar tanggungjawab dan harapan yang diletakkan pada bahu beliau adalah besar memandangkan Dr Mahathir telah melakukan yang terbaik untuk membawa Malaysia mencapai taraf negara maju.

Katanya semasa mengambil alih jawatan Perdana Menteri, ada orang bertanya sama ada beliau dapat menyaingi kemampuan Dr Mahathir yang sudah terbukti itu, beliau menjawab bahawa beliau mempunyai kemampuan tersendiri.

Ketika ditanya pada sidang berita kemudian sama ada dalam tempoh empat bulan beliau memegang jawatan Perdana Menteri beliau telah dapat meyakinkan rakyat dalam melaksanakan program-program negara, Abdullah berkata

beliau
mempunyai masa untuk melakukannya.

"Bukan saya seorang yang melakukannya, yang lain turut membantu,"
katanya.

Abdullah berkata semua jentera kerajaan dan Barisan Nasional adalah bersama-sama beliau dalam memastikan setiap pembangunan untuk rakyat dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Saya tahu ada penulis politik yang kata saya bersendirian, mereka tidak pasti sama ada parti bersama saya atau tidak. Saya yakin parti bersama saya," kata Perdana Menteri.

Ini terbukti apabila falsafah yang digunakan iaitu "bekerja bersama saya, bukan untuk saya" diterima dengan baik oleh semua peringkat termasuk pemimpin-pemimpin Umno dan BN, katanya.

"Hari-hari saya baca surat khabar untuk lihat apa yang dikatakan oleh pemimpin Umno, BN. Ada tanda-tanda menunjukkan bahawa kita sama-sama memahami strategi dan matlamat yang hendak dituju," kata Abdullah.

-- BERNAMA
SN MAN MAI